

B Susun perkataan-perkataan yang diberi supaya menjadi ayat yang betul.

1. sedap / Buah-buahan / berkhasiat / tempatan / dan / rasanya

2. Mereka / senamrobik / aktiviti / mengikuti / hujung minggu / pada setiap

3. menjaga / semasa bermain / di taman / keselamatan / Danny / sentiasa

4. di Sarawak / Hong / keluarganya / yang tinggal / menziarahi

5. berkelah / bersama / Meng / pada hari Ahad yang lalu / keluarganya

C Suaikan frasa-frasa Bahagian A dengan Bahagian B supaya menjadi ayat yang lengkap.

Bahagian A
Johnson meminjam buku cerita
Guru-guru menasihati kami
Vein dan bapanya selalu bersenam
Nick membantu ibunya menghias rumah

Bahagian B
supaya rajin belajar dan sentiasa bersopan.
agar badan mereka sihat dan cergas.
untuk menyambut Tahun Baru Cina.
di perpustakaan sekolahnya.